

## Apakah yang boleh dilakukan oleh pemburu untuk mencegah penularan penyakit ini?

### DI KAWASAN RISIKO TINGGI ,

Pemburu perlu mencari bangkai atau babi hutan yang sakit dan maklum dengan segera kepada DVS terdekat.. Setiap ekor babi hutan yang mati perlu dilaporkan dan perlu disahkan kematian tersebut sama ada disebabkan oleh ASF atau tidak melalui ujian serologi atau PCR.

### DI KAWASAN YANG MEMPUNYAI KES

Produk babi hutan, sisa dan hasilan buruan adalah produk yang mempunyai risiko tinggi untuk dijangkiti dengan ASF. Semua pemburu perlu memastikan langkah-langkah kebersihan diutamakan semasa berburu dalam kawasan berpenyakit seperti :

- A. Jangan tinggalkan sisa dan bangkai hasil buruan dalam hutan.
- B. Jangan mendekati atau menyentuh babi peliharaan selepas berburu.
- C. Pastikan pakaian dan peralatan seperti pisau, kereta dan sebagainya tidak mempunyai sebarang kotoran darah. Pakaian dan peralatan perlu dibersih dan disucihama terlebih dahulu sebelum digunakan semula dalam ternakan babi.

## Apakah langkah-langkah yang mesti dilakukan oleh peternak?

- Sisa makanan dan sisa dapur yang mengandungi daging dan diberikan kepada babi ( contohnya swill feeding) perlu dimasak terlebih dahulu.
- Sekiranya anda terjumpa sebarang tanda-tanda penyakit seperti kematian secara tiba-tiba dan banyak dalam babi anda, anda perlu laporkan kes tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang berdekatan.
- Babi hendaklah disimpan dalam kandang sepanjang masa dan tidak dibiarkan merayau serta bercampur dengan babi kepunyaan orang lain atau babi hutan.
- Beli babi dari sumber yang boleh dipercayai dan asingkan babi baru tersebut dari kelompok babi lain selama 2 minggu (kuarantin).
- Tidak benarkan pelawat menghampiri babi anda.

### Adakah terdapat rawatan atau vaksin untuk penyakit ini?

Tiada vaksin. Tiada rawatan yang berkesan juga.  
Membawa balik produk babi dari negara lain akan menyebabkan sebaran penyakit ASF.

Untuk mengelakkan sebaran penyakit ASF dan penyakit babi lain, jangan membawa pulang daging babi atau produk daging babi dari negara lain, terutama dari negara yang mempunyai jangkitan ASF.

Penduduk atau pelancong yang baru pulang dari luar negara hendaklah memastikan sisa makanan dibuang dalam bekas bertutup di mana babi tidak boleh memperolehi sisa makanan.

Sila layari ke halaman ini (<http://www.fao.org/3/a-i7228e.pdf>) untuk maklumat tambahan . [ **SILA TEKAN LINK INI SEKIRANYA ANSA MEMERLUKAN MANUAL DALAM BAHASA LAIN:** <http://www.fao.org/documents/card/en/c/bd35c569-752e-4b57-892e-e3e2e0ee0c9c/>]



Food and Agriculture Organization  
of the United Nations

Diterjemah: Bahagian Pembangunan  
Industri Ternakan, Jabatan Perkhidmatan  
Veterinar.



**African  
swine  
fever-  
Terjemahan  
Bahasa Melayu**

## Apa itu African Swine Fever (ASF)?

African swine fever (ASF) adalah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sejenis virus. Virus ini menjangkiti babi peliharaan dan babi hutan dan menyebabkan kerugian yang sangat tinggi dalam sektor babi. ASF pada asalnya hanya terdapat dalam benua Africa dan dikesan dalam Georgia pada 2007 serta merebak dalam benua Eropah selepas itu. Kini, penyakit dikesan di China dan negara-negara di Asia serta ASEAN.

## Bagaimakah penyakit iASF boleh disebarluaskan?

**Babi hutan dan babi peliharaan** boleh menjangkiti sesama sendiri melalui hubungan terus, terutamanya dari kotoran darah yang dijangkiti dengan ASF.

Haiwan yang sihat boleh dijangkiti apabila mereka memakan babi yang dimasak tidak sempurna, tabiat babi mengorek mencari makanan atau diberi sisa makanan campuran air tidak masak sepenuhnya .

Mereka juga boleh dijangkiti dengan ASF dengan memakan babi yang tercemar atau melalui penggunaan peralatan yang tercemar seperti baju , jarum, dan kenderaan.



©INIA-CISA/Carmina Gallardo

Tanda-tanda kebiruan pada hujung telinga

## Haiwan atau species apa yang akan dijangkiti?

The ASF virus HANYA menjangkiti species suids iaitu babi peliharaan dan babi hutan.

## Bolehkah manusia dijangkiti dengan ASF?

Tidak.

## Apakah yang menyebabkan ASF?

Penyakit ini disebabkan oleh sejenis virus yang sangat lasak dan boleh tahan lama. Virus ini boleh hidup selama beberapa bulan dalam tahi, produk daging (sejuk beku, salai dan daging masin atau daging mentah) dan bangkai babi. Namun demikian, virus ini boleh dibunuh dengan beberapa jenis suci hama seperti 1% formaldehid,, 2% NaOH atau paraphenylphenolic.

## Apakah tanda-tanda penyakit ASF?

Jangkitan ini boleh mempunyai pelbagai tanda-tanda penyakit. Babi sakit selalu mati.

Lazimnya, babi belakang kandang (backyard) akan hilang selera makan sebelum mati mengejut. Tanda-tanda penyakit lain adalah jarang dikesan.

Dalam babi peliharaan, babi akan murung, berat badan turun, pendarahan di bawah kulit ( hujung telinga, ekor , kaki, dada dan perut) , sakit kaki dan keguguran

Tanda-tanda **dalam babi hutan** agak sukar diperhatikan kerana bulu babi hutan panjang dan gelap.



©INIA-CISA/Carmina Gallardo

Pembengkakan pada kelenjar limfa



©INIA-CISA/Carmina Gallardo

Cirit-birit berdarah dan pendarahan ( ditandai dengan merah) pada kawasan leher, dada dan hujung kaki.



©INIA-CISA/Carmina Gallardo

Pembengkakan limpa